

# KONSEP TADABBUR AL-QURAN: ANALISIS KISAH NABI IBRAHIM A.S. TERHADAP RAJA NAMRUD

Muhammad Hafiz Asyraaf bin Mohd Nazri  
Luqman Nurhakim bin Mohd Sukri

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: [hafizasyraaf12@gmail.com](mailto:hafizasyraaf12@gmail.com)

---

**Abstrak:** *Al-Quran bukanlah buku sejarah meskipun ia mengandungi kemukjizatan sejarah. Al-Quran menggunakan kisah sejarah yang benar untuk membenihkan hidayah kepada manusia hingga Hari Kiamat. Kisah Nabi Ibrahim di dalam al-Quran tidak disatukan dalam satu tempat. Susunan kisah dalam al-Quran bukan mengikut kronologi tetapi berdasarkan topik tertentu yang mahu disampaikan oleh Allah SWT. Al-Quran memaparkan ikon yang hebat untuk diteladani seperti Nabi Ibrahim. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran di dalam Surah al-Baqarah yang menceritakan tentang Nabi Ibrahim menghadapi seorang raja kafir yang bernama Namrud. Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif penelitian pustaka dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Hasil kajian mendapati rejim raja kafir tidak pernah berjaya mengapa-apakan Nabi Ibrahim AS. Ianya dibuktikan dengan paparan kisah Baginda AS dalam Surah al-Baqarah iaitu kebijaksanaan hujah Baginda berdialog dengan Raja Namrud dan keberanian Baginda mencabar ketuhanan Raja Namrud. Kesimpulannya, penulis berharap penulisan ini dapat meluaskan pengetahuan masyarakat tentang keutuhan jati diri Nabi Ibrahim AS dalam mempertahankan akidah dan dakwah kepada Raja Namrud.*

**Kata Kunci:** *Al-Quran, Nabi Ibrahim AS, Raja Namrud.*

---

## 1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran mengandungi pelbagai aspek kajian penting, baik dalam masalah hukum, akidah, akhlak, moral, bahkan sejarah umat-umat terdahulu. Semua aspek tersebut menjadi bukti bahwa al-Quran merupakan kitab suci yang komprehensif secara isi, dan menjadi acuan dan pegangan hidup bagi manusia. Salah satu aspek menarik untuk diteliti adalah kajian kisah dan sejarah nabi dan Rasul serta umat-umat terdahulu dilihat dalam kerangka ayat-ayat pesan moral. Cukup banyak kisah-kisah dalam al-Quran yang memberikan suatu pengajaran dan pesan moral, untuk menjadi panduan dalam kehidupan. Bahkan, satu surah di dalam al-Quran dinamai khusus al-Qaşaş, yang menceritakan berbagai varian kisah sejarah. Aspek pengajaran dan pesan dalam al-Quran sering diluahkan dalam bentuk kisah-kisah nabi dan umat terdahulu.

Antara kisah al-Quran yang masyhur ialah kisah dan sejarah kehidupan Nabi Ibrahim AS. Kandungan kisah tersebut salah satunya menceritakan akhlak Nabi Ibrahim AS ketika menyampaikan kebenaran. Di dalam surah Maryam ayat 47-48 yang bermaksud “Berkata Ibrahim: Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu, aku akan memintakan ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya Dia sangat baik kepadaku. Dan aku akan menjauhkan diri darimu dan dari apa yang kamu seru selain Allah, dan aku akan berdoa kepada Tuhanku, mudah-mudahan aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanku” (Maryam: 47-48). Pesan moral di dalam ayat tersebut menunjukkan betapa lembutnya sifat Nabi Ibrahim AS dalam berinteraksi dengan sesuatu yang menyakitinya. Setidaknya ada beberapa pesan moral yang boleh diungkap dari rangkaian peristiwa yang terjadi pada Nabi Ibrahim AS, di antaranya tuntutan untuk bersikap sabar, lemah lembut, tidak membalas kejahatan dengan kejahatan, juga pesan moral untuk selalu bersyukur.

Berdialog merupakan salah satu kemampuan yang dimiliki oleh para nabi. Kemampuan ini memudahkan mereka untuk menjalin komunikasi dengan kaumnya. Kemampuan ini juga memudahkan mereka untuk melakukan dakwah di tengah perbezaan sifat dan karakter dari kaum masing-masing. Di antara dialog yang terdapat dalam al-Quran ialah dialog antara Nabi Ibrahim AS dan Raja Namrud. Dalam dialog tersebut, terjadi perdebatan tentang hakikat Tuhan dan kekuasaan Allah SWT sebagai penguasa alam semesta.

Penulisan ini dibuat berdasarkan tiga objektif utama iaitu untuk menelusuri kisah Nabi Ibrahim AS berhadapan dengan Raja Namrud. Kedua, untuk merungkai kebijaksanaan Nabi Ibrahim AS dalam berhujah dengan raja kafir. Akhir sekali, untuk mencari pengajaran dan pesan moral sebagai panduan dan teladan dalam mengharungi ranjau kehidupan.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Penulis mengumpulkan beberapa penyelidikan projek terdahulu daripada beberapa artikel dan buku mengenai perkongsian pengetahuan. Ia memperkenalkan rangka kerja untuk kajian kes yang terdiri daripada fokus utama penyelidikan projek. Ini adalah untuk menjangkau keperluan pengumpulan data utama untuk penyelidikan projek yang akan dijalankan.

1. Menurut Zaimudin, (2018), tekad Nabi Ibrahim untuk memperdaya berhala-berhala kaumnya dibuktikannya dengan menghancurkan semua berhala kecuali berhala yang paling besar. Penghancuran itu dilakukan oleh Nabi Ibrahim tatkala kaumnya sedang berkumpul di hari raya mereka. Patung terbesar itu dijadikan oleh nabi Ibrahim sebagai saksi terhadap sembah yang mereka lakukan itu memang merupakan tindakan ibadah yang sia-sia, tidak masuk akal, dan malah merugikan akidah mereka sendiri. Dalam surah al-Anbiya ayat 58 yang bermaksud “Maka Ibrahim menjadikan berhala-berhala itu hancur berkeping-keping, kecuali yang terbesar (induk) dari patung-patung yang lain, agar mereka kembali (untuk bertanya) kepadanya”. Hal ini menjadi peringatan bagi

mereka bahawa berhala-berhala yang mereka sembah itu tidak memberi manfaat mahupun madharat bagi manusia. Dari situlah kemudian raja Namrud murka dan bertitah untuk memberi hukuman seksa kepada Nabi Ibrahim sebagai balasan atas tindakan yang dilakukannya itu. Walaupun demikian, Nabi Ibrahim dibekali dengan persiapan jasmani serta rohani menghadapi berbagai rintangan dan hinaan serta pembalasan sekaligus atas penolakan dakwah kaumnya dan para pemimpin mereka.

2. Mahdi Wahyuni Salam, S. (2021), Nabi Ibrahim melakukan perlawanan terhadap struktur kekuasaan Namrud yang berorientasi pada penyembahan berhala, menjadikan beliau ditangkap dan dibakar hidup-hidup hingga terasing ke dunia luar. Nabi Ibrahim memenggal patung-patung berhala dan membiarkan kapaknya pada patung terbesar. Ketika itu, Nabi Ibrahim “membunuh” tuhan-tuhan ciptaan manusia. Perbuatan Ibrahim bukan hanya risiko, bahkan kekuasaan raja Namrud menyebabkan Ibrahim harus dibakar hidup-hidup. Tetapi yang menjadi harapan Nabi Ibrahim adalah, anak cucu keturunannya menjadi penyembah Allah SWT dan menjauhi perbuatan syirik.

3. Muhammad Dwi Toriyono, Afrizal El Adzim Syahputra, (2021). Berdialog juga salah satu kemampuan yang dimiliki oleh para nabi. Kemampuan ini memudahkan mereka untuk menjalin komunikasi dengan kaumnya. Diantara dialog yang terdapat dalam al-Quran adalah dialog antara Nabi Ibrahim dan Raja Namrud. Dalam dialog tersebut, terjadi adu argumentasi tentang hakikat Tuhan dan kekuasaan Allah Swt sebagai penguasa alam semesta. Namrud merupakan salah satu raja yang sangat sombong dan angkuh. Ia menyatakan kepada rakyatnya bahwa dirinya adalah seorang Tuhan. Raja Namrud telah diberikan oleh Allah kekuasaan dan kerajaan yang besar, tetapi dia tidak bersyukur atas nikmat tersebut, bahkan menjadi seorang yang ingkar dan zalim. Rahmat Allah yang seharusnya digunakannya untuk mentaati Allah, malah digunakannya untuk menderhaka kepada-Nya, dengan melakukan perbuatan yang tidak diredai Allah. Kerana itu, kisah ini diceritakan kepada rasul beserta para sahabat dan pengikutnya sebagai perajaran agar tidak berperilaku angkuh dan sombong seperti Raja Namrud.

4. Menurut Ibnu Kathir, (2006), Nabi Ibrahim mendekati dirinya kepada berhala dan memukul dengan tangan kanan, ia kerana memukul dengan tangan kanan lebih kuat dan kerosakan lebih besar. Dan hasilnya berhala tersebut hancur menjadi kepingan kecuali berhala yang paling besar. Malah Baginda AS mempersoalkan kaumnya memahat berhala dan kemudian menjadikan alat sembah. Baginda AS menghancurkan berhala yang kecil dan meletakkan kapak pada leher berhala yang besar. Apabila kaumnya pulang daripada merayakan peraian mereka terkejut melihat berhala musnah, mereka yakin Nabi Ibrahim AS yang memusnahkan berhala tersebut kerana Baginda AS sahaja yang tidak hadir majlis tersebut Keberanian Nabi Ibrahim AS juga jelas kelihatan ketika Baginda AS berhujah dengan Raja Namrud. Baginda AS hanya seorang remaja yang tidak mempunyai pengikut dan satu-satunya remaja yang menyembah Allah SWT dan mencabar ketuhanan Namrud. Kisah yang dinyatakan tersebut jelas menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim AS membentuk jati diri dengan keberanian menyatakan kebenaran.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antaranya ialah kaedah pembacaan buku dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian dan analisis dokumen tersebut. Ini dilaksanakan untuk menganalisis kisah Nabi Ibrahim terhadap Raja Namrud yang mempunyai banyak pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan.

Kajian telah dihasilkan melalui beberapa kaedah iaitu:

- i. Pembacaan.

Penulis telah mengumpulkan banyak maklumat tentang kisah Nabi Ibrahim dalam menentang Raja Namrud serta penafsiran daripada ayat al-Quran. Terdapat pelbagai bahan-bahan rujukan utama yang ada seperti jurnal, artikel dan sebagainya. Tambahan pula, bahan rujukan daripada laman sesawang juga telah dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam kajian ini.

## ii. Analisis.

Setiap maklumat dan bahan yang diperoleh daripada kedua-dua kaedah diatas akan dianalisis terlebih dahulu oleh penulis secara terperinci. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat dan bahan yang digunakan adalah tepat dan benar.

### **4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Allah berfirman di dalam surah al-Baqarah yang bermaksud “Apakah kamu tidak memperhatikan orang yang berdebat dengan Ibrahim tentang Tuhannya (Allah) kerana Allah telah memberikan kepada orang itu pemerintahan (kekuasaan). Ketika Ibrahim mengatakan: “Tuhanku ialah yang menghidupkan dan mematikan”, orang itu berkata. “Saya dapat menghidupkan dan mematikan”. Ibrahim berkata: “Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, maka terbitkanlah ia (matahari itu) dari barat,” lalu terdiamlah orang kafir itu; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim” (al-Baqarah: 258).

#### **4.1 Raja Kafir Tergugat**

Ayat tersebut menunjukkan bahawa raja kafir yang sering dikenali sebagai Namrud itu telah memulakan perdebatan dengan menjemput Nabi Ibrahim as. masuk ke dalam gelanggangnya. Nabi Ibrahim a.s. pada waktu itu hanyalah seorang remaja yang beriman tanpa pengikut. Bagindalah satu-satunya remaja yang hanya menyembah Allah Yang Maha Esa dan mencabar ketuhanan Namrud. Raja kafir itu menjemput Nabi Ibrahim ke istananya sedangkan Baginda AS pada waktu itu tidak ada sebarang tentera atau perisai pertahanan diri, bahkan baru berusia belasan tahun. Ini membuktikan sesungguhnya Nabi Ibrahim a.s. telah memberikan ancaman besar kepada kerajaan raja kafir itu dan dakwaan dirinya sebagai tuhan.

#### **4.2 Menghadapi Perdebatan**

Di dalam ayat tersebut juga diceritakan kisah Nabi Ibrahim AS dan raja kafir ini, masing-masing mengeluarkan apa yang terpendam dalam hati. Mereka sedang berbalas hujah. Raja yang kafir itu sengaja mencari alasan untuk tidak tunduk dengan hujah kebenaran yang dikemukakan oleh Nabi Ibrahim. Kita perhatikan cara raja yang kafir ini berhujah, kelihatannya beliau berusaha lari daripada setiap hujah logik Nabi Ibrahim. Jika kita sebagai pendakwah ditakdirkan berhadapan dengan kerenah mad'u sebegini, maka Allah SWT mengajar kita menerusi ayat ini tentang bagaimana untuk berhadapan dengan mad'u menerusi kaedah debat yang paling baik dan berhikmah. Kita perlu sentiasa mencari cara-cara baru untuk menjinakkan hati dan akal musuh, bukan sebaliknya mengikut rentak lawan.

#### **4.3 Hati-Hati Dengan Penyakit Raja Kafir**

Hikmah tidak dinyakatakan nama Namrud dalam ayat yang di atas adalah kerana Syeikh Mutawalli Sya'rawi r.h. menyatakan, “Tidak disebut nama Namrud kerana perangai tidak mengaku Tuhan, mempunyai sifat kekufuran dan suka mencari masalah dengan para pendakwah, bukanlah masalah ini terbatas hanya pada Namrud sahaja”. Hal ini bukan hanya sikap Namrud, bahkan sikap yang akan berlaku kepada mana-mana individu yang telah disifatkan oleh Allah SWT sebagai gagal dalam ujian kekuasaan dan pemerintahan.

Perkataan 'al-Mulk' bererti kekuasaan. Perkataan ini juga bermaksud "malakah" iaitu potensi, bakat, kudrat dan seumpama dengannya berdasarkan kata akarnya "ma-la-ka". Apabila Allah SWT mengurniakan kekuasaan dan kelebihan kepada anda, anda perlu hati-hati kerana ramai manusia tumbang dengan nikmat kekuasaan dan terserlahnya bakat terpendam ini.

Inilah hikmah Allah SWT tidak menyebut nama-nama dalam ayat agar kita tidak terikat dengan ikatan sejarah. Al-Quran bukanlah ini buku sejarah meskipun ia mengandungi kemukjizatan sejarah. Namun al-Quran menggunakan kisah sejarah yang benar tersebut untuk menyampaikan hidayah dan ibrah kepada manusia sehingga Hari Kiamat. Pengajaran kisah-kisahnyanya menjangkau zaman dan lokasi.

Jika kita teliti ayat 258 ini, Allah SWT menyebut nama Nabi Ibrahim sebanyak dua kali. Ianya membuatkan kita terfikir mengapa perlu sampai dua kali sedangkan boleh sahaja digunakan kata ganti nama ketiga seperti "dia" apabila Allah SWT mahu menyebut mengenai individu yang sama dalam ayat yang sama. Hal ini jelas menunjukkan tinggi dan mulianya nama Nabi Ibrahim AS di sisi Allah SWT. Demikianlah mulianya kedudukan pendakwah yang meneruskan dakwah dengan cara berhikmah di sisi Allah SWT seperti Nabi Ibrahim.

#### **4.4 Mencabar Ketuhanan Raja Namrud**

Nabi Ibrahim AS telah berkata kepada raja kafir, "Tuhanku adalah yang menghidupkan dan yang mematikan." Apabila Nabi Ibrahim mengatakan sedemikian, hal ini membuktikan keindahan bahasa gaya al-Quran kerana Nabi Ibrahim AS dirakamkan terus menjawab tanpa menunggu masa yang panjang, "Tuhanku adalah yang menghidupkan dan yang mematikan." Perkara ini menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim telah ditanya oleh raja kafir tersebut, "Siapa Tuhan kamu?". Hal ini demikian kerana satu-satunya manusia yang tidak mengakui ketuhanan Namrud ialah diri baginda sendiri. Nabi Ibrahim menyebut pula 'Tuhanku' bukan 'Tuhan Kami'. Hal ini menjelaskan lagi situasi Nabi Ibrahim AS yang benar-benar berseorangan, tidak mempunyai pengikut, penyokong atau pembantu keselamatan nyawa baginda walau ayahnya sendiri.

Ketika Nabi Ibrahim AS mahu terus menyambung hujahnya, raja kafir itu mencelah dengan berkata, "Dia berkata, Saya dapat menghidupkan dan mematikan". Ayat ini menggambarkan raja kafir itu berbicara dengan penuh kesombongan dan kebanggaan. Penggunaan kalimah 'Aku' sebegini pernah dituturkan oleh Iblis ketika berkata di hadapan Allah SWT, "Aku lebih baik penciptaan daripada Adam". Raja kafir seolah-olah memerli Nabi Ibrahim AS yang menyebut "Rab" kerana Rab juga kalimah yang secara literalnya merujuk kepada seseorang yang berkuasa dan mempunyai hamba-hamba. Padahal, Nabi Ibrahim AS memaksudkan, "Tuhanku ialah Tuhan yang mempunyai kuasa yang mutlak dan kita ialah hamba-Nya. Antara kekuasaan Tuhanku ialah menghidupkan dan mematikan".

#### **4.5 Kebijakan Hujah Nabi Ibrahim AS**

Keindahan ayat seterusnya adalah apabila Nabi Ibrahim AS tidak dapat berhujah dengan sesuatu yang dekat, maka baginda meneruskan hujah dengan sesuatu yang jauh iaitu daripada hakikat kekuasaan Allah SWT dalam hidup dan mati seseorang kepada hakikat kekuasaan Allah SWT terhadap alam ini.

Pergerakan roh dengan pergerakan matahari mempunyai kaitan. Apabila roh bergerak keluar dari jasad, maka berlakulah kematian. Apabila roh memasuki sesuatu jasad, maka berlakulah kehidupan. Maka, apabila terbit Manusia akan mengalami "kehidupan semula" daripada sebuah "kematian" pada malam hari. Apabila seseorang itu terjaga daripada tidur, itulah yang dinamakan

proses kehidupan. Apabila matahari terbenam, berlakulah gelap gelita dan seseorang itu akan tidur secara fitrahnya sebagai seorang manusia. Sebenarnya, tidur itu adalah sebahagian kecil daripada proses kematian.

Kenyataan raja kafir yang menyatakan bahawa dia boleh mematikan dan menghidupkan adalah menghairankan. Mematikan dan menyebabkan kematian berbeza. Menghidupkan seseorang yang mati pula tidak sama dengan membiarkan yang hidup terus hidup.

Apabila kita meneliti maksud Nabi Ibrahim a.s. dan kaitannya dengan pemilihan fenomena terbit matahari yang menjadi subjek hujahnya, kelihatanlah Nabi Ibrahim AS mencabar raja kafir tersebut agar menghidupkan seluruh rakyat jelatanya pada satu masa yang sama, kemudian mematikan seluruh rakyatnya pada satu masa yang sama juga. Mendakwa diri sebagai Tuhan memerlukan pengaku Tuhan itu membuktikan dia boleh melawan sistem perjalanan alam yang sedia ada. Ketidakkampuan untuk melawan sistem sedia ada menunjukkan bahawa alam ini dikawal dengan rapi oleh hanya satu kuasa yang Esa yang tidak pernah dan tidak akan boleh dicabar oleh sesiapa.

Nabi Ibrahim AS tidak berhujah dan tidak mencabar raja kafir itu dengan mengatakan, "Tuhanku boleh membenam matahari di barat, bolehkah engkau benamkan matahari di timur". Sebaliknya Nabi Ibrahim AS berkata, "Tuhanku menerbitkan matahari di timur, bolehkah engkau terbitkannya dari barat?". Mengapa isu terbit matahari yang menjadi perhatian dan bukan sebaliknya isu terbenam adalah kerana inilah salah satu sisi indah al-Quran atas lisan Nabi Ibrahim AS. Terbitnya matahari mempunyai kaitan dengan kehidupan selepas kematian. Kehidupan selepas kematian juga boleh berlaku pada hati manusia. Nabi Ibrahim AS berusaha untuk menerbitkan hidayah dalam hati raja kafir itu dengan hujahnya, namun sebaliknya raja kafir itu memilih untuk terus berada dalam kegelapan dan membenam kebenaran yang seharusnya terbit di lidahnya lalu mengakui kebenaran Tuhan sebenar.

Al-Quran itu sendiri sering kali dinyatakan oleh Allah SWT sebagai cahaya. Cahaya matahari yang terbit seperti waktu fajar, waktu subuh dan waktu duha sering dikaitkan oleh al-Quran dengan waktu kemenangan. Seperti yang diungkapkan oleh almarhum Abdul Rahman Habannakah ketika menghuraikan hikmah pemilihan sumpah Allah SWT dengan waktu fajar dalam surah al-Fajr, katanya ia ialah waktu kemusnahan kaum Thamud berdasarkan kenyataan al-Quran sendiri.

#### **4.6 Terdiam Dan Terkedu**

Syeikh Mutawalli Sya'rawi mengatakan perkataan terdiam ini berlaku dengan tiga unsur yang berlaku secara spontan:

- i. Terkejut dengan apa yang berlaku
- ii. Tidak tahu bagaimana untuk bertindak balas
- iii. Mengaku kalah

Perhatikan dalam pusingan pertama perdebatan, Nabi Ibrahim AS menyebut kalimah "Rab". Namun pada pusingan kedua, baginda enyebut kalimah "Allah". Hal ini hikmahnya kerana kalimah "Rab" itu telah dimanipulasikan oleh raja kafir itu. Maka, Nabi Ibrahim AS menggunakan kalimah "Allah" yang mematikan hujah raja kafir itu kerana ia sekali gus menegaskan keesaan Allah SWT.

Kita mendapati bahawa Allah SWT mengakhiri ayat 258 ini dengan menyebut kaum yang zalim, bukannya kaum yang kafir. Hal ini hikmahnya kerana manusia yang zalim ialah manusia yang tidak meletakkan akal pada tempatnya. Allah SWT mengurniakan akal kepada manusia untuk berfikir

mengenai matahari yang terbit dan fenomena kehidupan manusia pada waktu siang. Seseorang yang memiliki akal, pasti akan memahami hakikat bahawa matahari hanya sebab dan Allah SWT jua sebagai musabab.

## **5.0 KESIMPULAN**

Dialog antara Nabi Ibrahim dan Namrud dimuat oleh al-Quran dengan sangat singkat namun mengandungi isyarat pendidikan dan hikmah yang dapat dijadikan pengajaran oleh semua orang dan akan sentiasa relevan di setiap zaman. Pertama, dalam berdialog, Nabi Ibrahim tidak menggunakan kata-kata keji seperti penghinaan, ejekan, racism dan sebagainya. Baginda menggunakan analogi sederhana yang dapat melenyapkan argumentasi Raja Namrud. Hal ini mengisyaratkan bahawa dialog yang baik adalah dialog yang menggunakan argumentasi dan analogi, bukan dengan cacian dan hinaan yang dapat menyinggung perasaan orang lain. Kedua, Nabi Ibrahim menjelaskan kepada Namrud bahawa Tuhannya adalah Yang Maha Menghidupkan dan Yang Maha Mematikan. Penjelasan singkat ini mengisyaratkan bahawa kehidupan dan kematian adalah pengetahuan yang hanya dimiliki oleh Tuhan. Tidak ada manusia yang mengetahui secara pasti sampai bila mereka akan hidup dan bila mereka akan mati. Ketiga, dialog ini merupakan bahagian daripada metod dakwah tauhid Nabi Ibrahim kepada Namrud dan rakyat jelatanya. Pemilihan ungkapan “menghidupkan dan mematikan” mengisyaratkan bahawa setiap manusia meyakini melalui hati nuraninya bahawa hanya Allah S.W.T adalah tuhan yang layak disembah.

## RUJUKAN

- Firdaus Aulia. 2020. Keteladanan Akhlak Nabi Ibrahim AS: Kajian Terhadap Ayat-ayat Pesan Moral, Tadabbur: Jurnal Peradaban Islam Vol. 2, No. 1.
- Ibnu Kathir. Al-Misbah al-Munir Fi Tahzib Tafsir Ibn Kathir. (2006). Terj Syafiyurrahman alMubarakfuri. Saudi: Dar al-Salam li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Mahdi Wahyuni Salam. (September 2021), Nilai-Nilai Pendidikan Keteladanan Dalam Kisah Nabi Ibrahim AS: Jurnal Stuydy Keislaman Vol. 9, N0. 2.
- Muhammad Alihanafiah Norasid dan Mustaffa Abdullah (2013). "Manhaj Tarbiyah Rabbaniyyah oleh Sa'id Hawwa dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada karya AlAsas Fi al-Tafsir," dalam Dimensi Islam Dalam Penyelidikan Kontemporari, ed. Mohd Yakub
- Muhammad Dwi Toriyono, Afrizal El Adzim Syahputra, (2021), Dialog Argumentatif Nabi Ibrahim Dan Raja Namrud Dalam Perspektif Al-Quran Al-Dhikra: Jurnal Studi Quran dan Hadis, Vol. 3 No. 2, 2021; Hlm. 105-118.
- Mustafa Rajab (2008). Fi Huwiyah al-Tarbiyyah al-Islamiah wa Manhajituha. Medan: tp. Syaari Ab Rahman. (2019). Di Bawah Teduhan Kisah-kisah al-Quran. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Zaimudin. (2018), Karakter Nabi Ibrahim AS Dalam Al-Quran (Ditinjau dalam Perspektif Pendidikan di Indonesia), Volume 1, Nombor 1.